

# KOMUNIKASI SILANG BUDAYA DALAM PENTERJEMAHAN BAHASA MELAYU: ANALISIS BUDAYA KEBENDAAN

*Puteri Roslina Abdul Wahid*

## **Abstrak**

Tulisan ini membicarakan aspek komunikasi silang budaya dalam penterjemahan bahasa Melayu. Penulis membicarakan aspek penterjemahan dan komunikasi, penterjemahan dan budaya, dan penterjemahan dalam komunikasi silang budaya. Banyak orang di dunia ini cuba merapatkan jurang perbezaan budaya dengan belajar daripada orang lain. Keinginan untuk menanggapi sesuatu berdasarkan kaca mata budaya bukan hanya berdasarkan warna kulit semata-mata tetapi melihat sesuatu isu dengan pandangan yang terbuka. Unsur budaya boleh dibahagikan kepada dua, iaitu budaya kebendaan dan budaya bukan kebendaan. Tulisan ini hanya tertumpu kepada aspek budaya kebendaan dalam beberapa novel bahasa Inggeris yang diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu (*Kenang-Kenangan Seorang Geisha*, *Harry Potter dan Batu Hikmat*, *Harry Potter dan Bilik Rahsia*, dan *Harry Potter dengan Banduan Azkaban*).

## **Abstract**

*This article discusses about cross cultural communication in Malay translation. The writer discusses aspects of translation and communication, translation and culture, and translation in cross-cultural communication. Many people in this world try to bridge racial and cultural differences and to learn more from others. There is a tremendous need to strive to perceive issues through the culture's eye not dictated by skin tones, but with an open mind. The element of culture is divided into two: first, the material culture and second, the non-material culture. This article focuses on material culture based on English novels translated into Malay (*Memoirs of A Geisha*, *Harry**

*Potter and The Sorcerer's Stone, Harry Potter and the Chamber of Secrets, and Harry Potter and the Prisoner of Azkaban).*

## PENDAHULUAN

Kunci bagi sebuah karya terjemahan adalah untuk merangsang keinginan pembaca supaya mengetahui budaya orang lain, bukan untuk mengawal teks sumber seolah-olah penterjemah merupakan seorang pakar. Kontak dan komunikasi dengan orang yang berlainan budaya tidak terbatas kepada hubungan antara benua tetapi berkembang selari dengan teknologi komunikasi moden. Penterjemahan merupakan aktiviti penting untuk menyebarkan ilmu pengetahuan kerana ini membolehkan masyarakat menikmati ilmu pengetahuan daripada budaya asing. Pembaca seharusnya menjadi pelajar silang budaya, memperoleh pengetahuan tentang budaya, kesusasteraan dan seni lisan agar kita lebih berpengetahuan serta mengatasi rasa keterasingan apabila bertembung dengan budaya yang berbeza dalam kehidupan sehari-hari. Ini berkaitan dengan pensejarahan budaya dunia dari perspektif penterjemahan yang memperlihatkan pergerakan ketekalan idea dan bentuk budaya yang dipengaruhi oleh unsur baharu, hasil daripada penterjemahan. Penterjemahan merupakan kegiatan yang tidak dapat tidak melibatkan sekurang-kurangnya dua bahasa dan dua budaya yang berbeza (Toury,1978).

*Kamus Dewan* (1986:1247) mendefinisikan terjemahan sebagai "... pindahan dari suatu bahasa ke suatu bahasa yang lain, alihan bahasa, salinan ...". Penterjemahan merupakan perbuatan memindahkan sesuatu isi atau teks ke dalam bahasa lain atau menukarkan bahasa teks tersebut. Newmark (1981) pula mengatakan bahawa penterjemahan merupakan satu kesenian yang terangkum usaha menggantikan mesej dan/atau pernyataan bertulis dalam sesuatu bahasa dengan mesej dan/atau pernyataan yang sama dalam bahasa lain. Menurut Ramli Salleh (1986), konsep penterjemahan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu konsep lama dan konsep baharu. Konsep lama penterjemahan menghendaki penterjemah memberikan perhatian kepada bentuk apabila penterjemah mengekalkan unsur-unsur stilistik seperti rima rentak, permainan kata, struktur tatabahasa yang luar biasa, dan lain-lain supaya menyerupai teks asli. Konsep baharu pula mementingkan respons pembaca terjemahan, iaitu reaksi yang sama dengan reaksi pembaca teks asal. Prinsip-prinsip penterjemahan telah bertambah bebas dengan pengertian bahawa pemahaman dan emosi daripada pembaca itu diutamakan.

Wilss (1981) mengatakan bahawa seorang penterjemah itu bergantung pada keupayaan mentalnya, pengetahuan linguistik, dan juga pengetahuan dunianya. Seorang penterjemah yang baik seharusnya mempunyai pemahaman yang tinggi dalam bahasa sasaran, pengetahuan yang baik dalam bidang penggunaan sumber maklumat, memastikan komunikasi yang baik dengan pelanggan serta menjaga kualiti dan ketepatan masa terjemahan diperlukan. Penterjemah kebiasaannya menterjemah bahan ke dalam bahasa ibundanya. Untuk menjadi seorang penterjemah yang baik, penguasaan bahasa sasaran amat penting sebagaimana pentingnya juga penguasaan bahasa sumber. Apa pun dalam kerja penterjemahan, aspek yang paling penting ialah mesej atau pesan yang merupakan maklumat penting harus sampai kepada khalayak. Terjemahan merupakan satu kegiatan yang merapatkan dua bahasa untuk menyampaikan fikiran atau pendapat penulis (karya asal) melalui penulisan kepada penerima (pembaca). Penterjemah akan menulis dengan gaya penulisan yang lebih disenangi berbanding dengan penulis teks asal. Kemungkinan teks sumber mengandungi unsur budaya yang kurang difahami oleh penterjemah, maka penterjemah hanya akan menterjemah setakat yang dia mampu sahaja. Ini akan mengakibatkan kemungkinan berlakunya ketaksaan makna dalam penterjemahan dan akan menjejaskan komunikasi antara penterjemah dengan pembaca.

### **Penterjemahan dan Komunikasi**

Komunikasi berasal daripada bahasa Latin, *communicatus* yang bermaksud berkongsi sesuatu. Apabila kita berkomunikasi, sebenarnya kita berkongsi idea atau maklumat dengan individu atau orang yang kita hubungi. Dalam komunikasi, istilah yang sering kita gunakan ialah mesej atau pesan, yakni kandungan atau isi yang ingin disampaikan. Kesan atau pesan disampaikan melalui satu alat, iaitu bahasa. Bahasa merupakan alat yang kompleks tetapi pantas menyampaikan maklumat. Bahasa juga digunakan untuk menyatakan sesuatu yang tidak wujud dalam dunia nyata tetapi wujud dalam fikiran atau perasaan manusia. Penterjemahan merupakan proses memindahkan sesuatu daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Tujuan utama penterjemahan adalah untuk menghubungkan anggota dalam masyarakat dwibahasa atau multibahasa. Abdullah Hasan (2000) mengatakan komunikasi, begitu juga terjemahan yang berkesan mempunyai lima ciri, iaitu kefahaman, keseronokan, pengaruh ke atas sikap, perhubungan yang bertambah

baik, dan adanya tindakan yang menyusulinya. Cara berkomunikasi itu akan meninggalkan kesan kepada khalayak. Kalau perkara yang disampaikan itu disalahertikan oleh pembaca, maka komunikasi itu tidak berkesan. Pengarang mempunyai maksudnya tersendiri dalam menulis sesebuah teks tetapi diterjemahkan dengan makna yang berbeza akan menyebabkan salah faham.

Proses komunikasi dalam penterjemahan merupakan komunikasi bertulis. Penterjemah perlu mengenal pasti kelemahan dan kekurangan dalam teks asal dan memahami makna yang ingin disampaikan. Untuk tujuan ini, penterjemah perlu selalu menghubungi penulis asal atau sesiapa sahaja yang biasa dengan teks tersebut untuk menjelaskan sebarang ketaksaan yang bakal ditempuhinya. Selepas aspek ini ditangani, penterjemah juga perlu melihat semula struktur sintaksis teks asal dan merumuskan mesej yang ingin disampaikan dalam bahasa sasaran, dan hal ini akan memberikan nilai tambah dari segi penyusunan kata dan impak kepada pembaca. Perlu ditegaskan bahawa proses komunikasi dalam penterjemahan memerlukan hubungan antara penterjemah dengan penulis teks asal agar penterjemah dapat memastikan bahawa mesej yang ingin disampaikan itu bersamaan dengan penulis asal. Perkara yang lebih penting ialah penterjemah perlu menyedari hakikat bahawa penterjemah itu hanyalah penyampai mesej, bukan penulis. Kerja menterjemah melibatkan daya kreativiti yang tinggi dan kemahiran komunikasi yang pelbagai. Proses kreatif ini merupakan proses penulisan naskhah interlingual dan juga satu keperluan untuk memberikan keberkesanan dalam komunikasi. Penterjemah profesional perlu memikirkan hal ini tanpa melupakan hakikat bahawa kebanyakan teks yang diterjemahkan tidak memerlukan penyesuaian atau orientasi penulisan semula pembaca.

Komunikasi kadangkala bukan sahaja disampaikan melalui kata-kata. Penterjemah yang baik perlu menyedari bahawa makna tidak sahaja disampaikan melalui perkataan tetapi sebaliknya pemahaman tentang mentafsir semula tatanama, gambar rajah, jadual, carta, istilah, akronim, metonim, dan sebagainya perlu diambil kira. Penterjemah juga perlu menentukan titik mula perkiraan bagi sebarang teks yang akan diterjemahkan seperti penulis asal, tujuan teks dihasilkan, pembaca atau khalayak, mesej, jenis wacana, dan sebagainya. Penterjemah akan sentiasa membuat pilihan dalam setiap perenggan, ayat atau kata yang dipilih untuk menentukan pilihan yang tepat dalam memindahkan idea teks yang diterjemahkan, khususnya yang berkaitan dengan penterjemahan makna budaya.

## Penterjemahan dan Budaya

Taylor (1871) mentakrifkan budaya sebagai satu keseluruhan kompleks yang merangkumi aspek pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat istiadat, dan apa juga kebolehan serta kelaziman yang diperoleh manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat. Pengertian oleh Taylor merangkumi keseluruhan aspek kehidupan manusia kecuali yang bersifat biologi. Pengertian ini dilihat sebagai satu keseluruhan yang kompleks berbanding dengan pengertian tamadun yang merupakan keseluruhan kemajuan yang dicapai oleh manusia ke arah penyempurnaan etika individu dan komuniti. Menurut Steiner (1984) pula, budaya merupakan satu sistem kompleks yang merangkumi pelbagai subsistem seperti kesusasteraan, sains, dan teknologi. Dalam sistem yang umum ini, fenomena ekstraliterari yang menghubungkan kesusasteraan bukan dalam bentuk aliran tetapi sebagai satu perantara antara subsistem yang ditentukan oleh logik budaya yang dimilikinya. Nida (1963:28) mengatakan bahawa budaya itu suatu perilaku yang dipelajari dan diperoleh secara sosial, sama ada budaya kebendaan atau bukan kebendaan yang diwarisi dari satu generasi ke generasi yang lain.

Salah satu syarat penting yang perlu ada bagi seorang penterjemah adalah untuk mengetahui latar belakang budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran. Pengetahuan umum tentang subjek lain yang tidak berkaitan secara langsung dengan tajuk terjemahan. Penterjemah perlulah mengetahui budaya kedua-dua bahasa untuk memastikan ketepatan sesuatu hasil terjemahan. Ini kerana norma atau nilai budaya sesuatu bangsa itu berbeza antara satu dengan yang lain. Kebolehan mengesan persamaan atau perbezaan antara dua budaya merupakan kelebihan bagi seorang penterjemah. Ini akan melatih penterjemah agar peka terhadap persekitaran dan berhati-hati dalam pemilihan kata yang sesuai dalam menterjemah sesuatu teks sumber.


Seseorang penterjemah juga perlu mengetahui kehidupan dan budaya sesebuah masyarakat itu sebelum dia dapat memahami dengan betul bahasa yang digunakan oleh masyarakat tersebut. Sekiranya penterjemah tidak memahami langsung tentang kehidupan dan budaya masyarakat yang terlibat dalam teks penterjemahannya, maka akan berlakulah kesilapan yang menimbulkan salah faham dan menyinggung perasaan (sama ada dalam budaya bahasa sumber ataupun bahasa penerima); memberikan maklumat atau keterangan yang menyeleweng atau salah sama sekali; juga mungkin menimbulkan kesan yang tidak diinginkan. Budaya memberikan

makna khusus dan melahirkan kerencaman dalam bahasa. Dengan mengetahui budaya teks sumber, penterjemah akan menilai kesesuaian dan kesejadian padanan leksikal, ungkapan, bidalan, dan makna simbolik, figuratif dan sebagainya yang terkandung dalam sesebuah teks. Peluasan makna pada kebiasaannya bersifat figuratif. Ungkapan-ungkapan yang disebut kiasan, simpulan bahasa, peribahasa, perumpamaan, metafora dan simile ialah ungkapan yang maknanya makna figuratif. Pada hakikatnya, masalah yang dihadapi oleh seseorang penterjemah dalam apa juga aspek, berhubung rapat dengan tugas dan beban yang dipikulnya; minat dan dedikasi, peringkat dan darjah kebolehan serta pengetahuan dan tempoh pengalamannya.

Menurut Zilahy S. Pietro (1963), tidak ada terjemahan yang boleh menyamai teks asal sepenuhnya, khususnya karya sastera. Terjemahan hanya dapat mendekati, tetapi tidak dapat menyamai teks asal dari segi bentuk dan isi. Dari segi tujuan pula, penterjemahan bukanlah untuk mencapai persamaan sepenuh, tetapi mencapai persamaan seberapa yang dapat untuk memindahkan ilmu, maklumat dan kebudayaan daripada satu masyarakat bahasa kepada satu masyarakat bahasa yang lain, untuk pembangunan dan persefahaman antarabangsa. Terjemahan juga mestilah setia kepada teks asal dari segi makna dan bentuk dalam erti kata yang luas. Makna membawa maksud pengertian asas, khusus dan sampingan. Bentuk membawa maksud susunan ayat dan gaya. Hakikatnya, terjemahan bukanlah satu kerja mekanikal memindahkan perkataan daripada satu bahasa kepada bahasa lain, tetapi merupakan satu kerja seni yang memerlukan satu tahap pengetahuan kebudayaan yang tinggi dan kebolehan mengarang dalam kedua-dua bahasa, khasnya bahasa sasaran. Terjemahan hendaklah dilakukan secara idiomatik dan tidak harfiah kerana tiap-tiap bahasa mempunyai watak dan idiomnya yang tersendiri.

Bahasa dan budaya mempunyai hubungan yang rapat, dan mempunyai implikasi terhadap penterjemahan. Apabila menterjemah kata dan tanggapan budaya, Newmark (1988:96) telah menyarankan dua kaedah, iaitu pemindahan dan analisis komponensial. Pemindahan memberikan warna tempatan dan pembatasan pemahaman bagi aspek tertentu. Kepentingan proses terjemahan dalam proses komunikasi membawa kepada analisis komponen yang mengasingkan budaya dan mesej. Pelbagai teknik dan tatacara dalam analisis komponen makna sekurang-kurangnya dapat menunjukkan cara menyusun semula komponen erti bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran kepada penterjemah; dan pada masa yang sama menunjukkan penterjemah tempat yang perlu dielakkan terjemahan

perkataan demi perkataan. Hervey (1992) pula membahagikan terjemahan kepada eksotisme, peminjaman budaya, pembentukan kata, penterjemahan komunikatif dan pemindahan budaya dalam penterjemahan. Pembahagian tersebut memperlihatkan pertimbangan terhadap aspek budaya diutamakan berbanding dengan aspek lain.



**Rajah 1** Skala penterjemahan Hervey.

Apabila memperkatakan implikasi budaya terhadap penterjemahan, definisi Nida (1964:129) tentang persamaan formal dan dinamik boleh digunakan. Menurut Nida, satu “terjemahan glos” yang mencirikan persamaan formal terbentuk apabila kandungan dan bentuk dihasilkan sesetia mungkin kepada teks asal. Pembaca teks sasaran memahami sebanyak mungkin adat istiadat, cara pemikiran, dan kaedah melahirkan ekspresi dalam teks asal. Bertentangan dengan idea tersebut, persamaan dinamik pula menghubungkan penerima kepada perilaku yang relevan dengan konteks budaya sasaran tanpa menekankan bahawa dia memahami pola budaya konteks teks sumber. Lefevere (1992) pula melihat penterjemahan sebagai satu akulturasi, iaitu penyerapan unsur-unsur budaya daripada satu budaya kepada budaya yang lain. Proses penterjemahan dilihat sebagai satu tolak ansur antara budaya. Walau apa pun pandangan tentang budaya dalam penterjemahan, yang penting ialah terjemahan yang baik berlaku apabila seseorang pembaca tidak menyedari bahawa karya yang dibacanya itu merupakan karya terjemahan tetapi seperti membaca karya teks asal.

### **Penterjemahan dalam Komunikasi Silang Budaya**

Komunikasi silang budaya memperlihatkan bagaimana budaya yang berbeza dan pengaruhnya terhadap komunikasi, bukan sahaja menjadikan seseorang itu seorang komunikator yang berkesan tetapi juga meningkatkan kesedaran dan kefahaman tentang identiti dan budaya mereka sendiri. Kebanyakan orang kurang sedar tentang jati diri budaya sendiri, dan bagaimana pula budaya mempengaruhi komunikasi serta kaitan komunikasi dengan budaya. Hakikatnya, kita tidak dapat mengenali budaya kita

sendiri sekiranya kita tidak membandingkannya dengan budaya orang lain. Dodd (1998) mendefinisikan komunikasi silang budaya sebagai pengaruh kepelbagaian dan kevariabelan budaya terhadap komunikasi interpersonal. Samovar (2000) pula mendefinisikan komunikasi silang budaya sebagai peristiwa apabila mesej (penyampai) daripada satu budaya disampaikan ke dalam satu budaya yang berbeza (penerima). Unsur perbandingan ini amat penting dalam mengetahui peranan dan pengaruh budaya terhadap kehidupan seharian. Nord (1997:1) mengatakan bahawa komunikasi berlangsung melalui medium dan situasi yang terhad kepada masa dan tempat. Setiap situasi spesifik menentukan apa dan bagaimana manusia berkomunikasi dan diubah oleh manusia yang berkomunikasi itu. Situasi merupakan habitat budaya. Bahasa merupakan unsur budaya dan komunikasi berlaku dalam kekangan “situasi-dalam-budaya”.

Penterjemahan merupakan satu bentuk komunikasi silang budaya. Unsurperbezaan antara komunikator (sumber dan penerima) merupakan ciri khas dalam komunikasi silang budaya. Komunikator yang terlibat berbeza dari segi budaya dan jati diri sosial. Fokus komunikasi silang budaya ialah perbezaan latar belakang dan pengalaman budaya komunikator. Perbezaan ini merangkumi bahasa, persepsi atau tanggapan, nilai, pengharapan, dan perlakuan. Penelitian dalam komunikasi silang budaya adalah tentang bagaimana perbezaan budaya ini mempengaruhi atau memberikan kesan kepada proses komunikasi. Kekompleksan penterjemahan merupakan salah satu daripada aspek dalam hidup manusia yang terjalin dalam hubungan antara faktor yang pelbagai. Kebiasaannya terdapat konteks dalam penterjemahan.

Menurut Gentzler (1993), subjek dalam sesebuah budaya berkomunikasi dalam mesej yang diterjemahkan, ditentukan oleh kekangan budaya tempatan. Ketidaksetiaan merupakan syarat proses ini. Penterjemah terpaksa menahan kekangan budaya tempatan. Mereka memperlihatkan kepentingan budaya dan mahu melihat karya mereka diterima dalam budaya lain. Kesetiaan bukan merupakan syarat bagi proses ini. Penterjemah tidak bekerja dalam situasi ideal dan abstrak, atau keinginan untuk bersikap jujur tetapi menanamkan kepentingan budaya mereka, dan inginkan karya mereka diterima dengan baik dalam lingkungan budaya yang lain. Oleh itu, penterjemah memanipulasikan teks sumber untuk memberitahu dan juga menyesuaikan dengan kekangan budaya yang ada. Inilah yang memperlihatkan kewujudan terjemahan sebagai satu komunikasi silang budaya.

Komunikasi silang budaya berlaku apabila ada kontak atau interaksi



antara individu yang berlainan budaya; dalam penterjemahan adalah antara penulis/penterjemah dengan pembaca. Penterjemahan merupakan satu cara bagi memahami ciri silang budaya dan melancarkan komunikasi silang budaya. Penterjemah mengandaikan sesuatu dalam satu bahasa atau budaya boleh dihubungkan secara silang dan dihasilkan dalam bahasa atau budaya yang lain. Penterjemah menginterpretasi, mengantara, dan meneliti teks asal yang hendak diterjemahkan tetapi tidak meniru atau mengulang teks asal. Menurut Kim (1984), komunikasi silang budaya mempunyai tiga dimensi, iaitu tahap identifikasi komunikator menurut kelompok budaya, konteks interaksi, dan saluran komunikasi. Istilah budaya pula merangkumi organisasi sosial yang berbeza pada tahap dunia misalnya budaya dunia Barat dan dunia Timur (budaya Amerika dengan budaya Jepun). Penterjemah mengandaikan sesuatu dalam satu budaya atau bahasa boleh dikomunikasikan secara “*borne across*”, dan dihasilkan semula dalam satu budaya atau bahasa yang lain. Dalam hal ini, kadangkala yang dipentingkan ialah kesesuaian bukan ketepatan menjadi pilihan penterjemah. Namun demikian, penterjemah pada hakikatnya, perlu setia kepada teks asal malah penterjemah tidak mempunyai autoriti untuk menggantikan sesuatu unsur budaya itu dengan budayanya sendiri. Sesuatu komunikasi sangat berbudaya sekiranya komunikator sangat berbeza budayanya. Sebaliknya, sesuatu komunikasi itu dikatakan kurang bersifat budaya sekiranya perbezaan budaya komunikator tidak besar atau luas. Oleh sebab tidak ada dua individu yang sama latar belakang budaya dan pengalaman, maka semua komunikasi boleh dikatakan sedikit sebanyak bersifat berbudaya.

Konsep utama komunikasi silang budaya ialah perbezaan budaya. Sarbaugh (1988) mengemukakan taksonomi silang budaya berdasarkan konsep intensiti kesilangbudayaan dan sejauh mana komunikasi itu bersifat berbudaya pada tahap heterogeniti atau homogeniti ciri-ciri komunikator. Untuk menentukannya, empat unsur digunakan, iaitu pandangan dunia, norma kehidupan – apa yang dianggap baik dan tidak baik, sistem kod, dan pandangan terhadap tujuan dan perhubungan. Sekiranya banyak perbezaan dalam unsur di atas, maka lebih berbudaya sifat komunikasi tersebut. Dalam hal ini, penterjemah perlu menghormati penulis teks asal dan menterjemah budaya – realiti kebudayaan, sosial, sejarah, politik – dalam cara yang dihasilkan oleh penulis asal. Penterjemah tidak boleh menterjemah teks asal berdasarkan pengalaman dan budayanya sendiri. Hubungan kait antara komunikasi dan budaya adalah dua hala bukan satu hala. Hubungan antara budaya dengan komunikasi penting difahami

kerana melalui pengaruh budaya, manusia belajar berkomunikasi. Oleh itu, bagi mereka yang membaca dan menginterpretasi karya terjemahan perlulah bersedia untuk belajar dan menyesuaikan diri dengan perubahan sepanjang pembacaan mereka dalam mengenali perbezaan budaya, dan keasingan. Jelasnya, ini bukan merupakan ruang menentukan ketepatan sesebuah karya terjemahan tetapi pemahaman yang mendalam tentang budaya sesuatu bangsa berbanding dengan budaya kita sendiri.

### **Analisis Budaya Kebendaan**

Tulisan ini melihat masalah penyampaian maklumat dari segi komunikasi, khususnya komunikasi silang budaya. Pengetahuan tentang budaya sesuatu bangsa dapat membantu kita melihat budaya kita sendiri apabila kita melakukan perbandingan dua budaya dalam proses menterjemah teks asal. Menurut Collier (2000), interaksi atau peristiwa komunikasi menjadi silang budaya apabila perbezaan budaya terpancar dalam teks atau perbualan antara mereka yang berinteraksi. Karya terjemahan yang dirujuk dalam tulisan ini ialah “*Kenang-Kenangan Seorang Geisha*”(KKSG) (*Memoirs of a Geisha*) (MOG) dihasilkan oleh Arthur Golden dan tiga siri terjemahan Harry Potter yang ditulis oleh J.K. Rowling, iaitu “*Harry dengan Batu Hikmat*”(HPBH) (*Harry Potter and The Sorcerer’s Stone*) (HPSS), “*Harry Potter dan Bilik Rahsia*” (HPBR) (*Harry Potter and The Chamber of Secrets*) (HPCS), dan “*Harry Potter dengan Banduan Azkaban*” (HPBAZ) (*Harry Potter and The Prisoner of Azkaban*) (HPPAZ). Pemilihan novel-novel tersebut dilakukan kerana penulis ingin memperlihatkan dua budaya, iaitu budaya Barat dan budaya Timur mencerminkan komunikasi silang budaya yang cukup menarik. Siri novel Harry Potter (HPBH, HPBR, dan HPBAZ) memberikan satu gambaran budaya Barat yang mempercayai alam ghaib dan dunia mistik yang berbeza dengan alam Melayu manakala dunia Timur dalam “*Kenang-Kenangan Seorang Geisha*” (KKSG) walaupun kaya dengan kehalusan nilai budi bahasa dan sopan santunnya tetapi masih memperlihatkan perbezaan budaya dengan masyarakat Melayu. Dalam komunikasi silang budaya, masalah pertama yang dihadapi ialah penyesuaian budaya dalam karya terjemahan. Ainon Mohd. dan Abdullah Hassan (2000:167) mengatakan bahawa salah satu fungsi bahasa ialah merakamkan budaya pengguna bahasa itu. Perbezaan budaya dan bahasa menyebabkan kita wajib melakukan pelbagai penyesuaian semula dalam terjemahan. Newmark (1988) mengkategorikan perkataan-perkataan

yang sukar diterjemahkan kepada lima klasifikasi utama, iaitu ekologi; budaya kebendaan; kerja sosial dan masa senggang; pertubuhan, adat istiadat, kegiatan, prosedur dan konsep; gerak isyarat dan perlakuan. White dan Hexley dipetik daripada Getis (1994) berpandangan bahawa subsistem budaya dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu pertama, artifak – yang berkaitan dengan sistem teknologi yang membentuk objek dan teknik kehidupan yang digunakan manusia seperti makanan, peralatan, pakaian, tempat tinggal, pertahanan diri, hiburan, dan sebagainya. Kedua, sosiofak – berkaitan dengan sistem sosiologi yang merangkumi institusi formal dan tidak formal dalam asosiasi ekonomi, politik, ketenteraan, agama, dan lain-lain. Ketiga, mentifak – yang berkaitan dengan pemikiran, kepercayaan, dan pengetahuan sebuah budaya serta cara ia disampaikan, sama ada dalam bentuk pertuturan atau bentuk-bentuk komunikasi yang lain. Secara tuntasnya, tulisan ini melihat komunikasi silang budaya dari segi pakaian, peralatan, makanan, permainan, dan perwatakan.

### Aspek Sajian Makanan

Newmark (1988:97) mengatakan bahawa makanan merupakan ekspresi budaya nasional sesuatu bangsa yang paling penting dan sensitif, dan diterjemahkan dalam pelbagai kaedah. Cara memilih, menyiapkan, menyajikan, dan memakan makanan sering berbeza antara satu budaya dengan yang lain. Masyarakat Melayu membesar dengan nasi sebagai makanan ruji manakala masyarakat India pula dilarang makan daging lembu. Cara makan juga memperlihatkan perbezaan. Orang Melayu makan dengan menggunakan tangan sedangkan masyarakat Barat pula menggunakan garpu dan sudu. Unsur ini sukar sekali diterjemahkan satu lawan satu kerana perbezaan unsur budaya yang begitu ketara.

Hal ini sebenarnya berkaitan dengan konsep terjemahan relia. Menurut Florin (1993:123) dipetik daripada Rokiah Awang (2005), relia dapat dibahagikan kepada tiga jenis utama, iaitu relia tema, relia masa/zaman, dan relia tempat. Relia tema merujuk kepada nama-nama benda, konsep, dan sebagainya yang sejenis atau berada dalam kumpulan yang sama. Relia jenis ini dibahagikan kepada wilayah dan kawasan geografi, misalnya sarung dan kimono (pakaian), iglu (tempat tinggal), dan sebagainya. Terdapat dua kaedah terjemahan relia, iaitu transkripsi dan penggantian. Secara transkripsi, yang diperlihatkan ialah unsur penyesuaian ejaan dilakukan seperti *pancake* menjadi pankek. Contoh lain dapat diperhatikan di bawah:

"... *A hundred of fat, roast turkeys; mountains of roasts boiled potatoes; platters of chipolatas; tureen of buttered peas, silver boats of thick cranberry sauce..." (HPSS:203)*

"... Seratus ekor ayam Belanda panggang yang gemuk, timbunan kentang panggang dan rebus, berpiring-piring chipolatas berminyak, berbesen-besen kacang pis berkeju, bermangkuk-mangkuk sos-kranberi..." (HPBH:209)

"... *After a meal of turkey sandwiches, crumpets, trifle, and Christmas cake, every one felt too full ...*" (HPSS:204)

'....makan sandwic ayam Belanda, kuih manis, trifel dan kek Krismas, mereka berasa kenyang...' (HPBH:210)

Penggantian pula memperlihatkan unsur neologisme, iaitu pembinaan perkataan baharu dalam bahasa sasaran dalam proses menterjemah, misalnya *marmalade* menjadi marmalad. Ini dapat dilakukan melalui pinjam terjemah, misalnya *chocolate frog* menjadi katak coklat. Maksud sebenarnya ialah coklat yang menyerupai katak. Beberapa jenis makanan lain dapat ditemui dalam petikan yang berikut:

"... *They're a kind of Muggle sweet I'm rather fond of ...*"(HPSS:11)

"... sejenis makanan Muggle yang saya gemari ..." (HPBH)

"... *a squashy package of sausages...*" (HPSS)

"... sebungkus sosej yang penyek" (HPBH)

"... *What she did have were Bertie Bott's Every-Flavour Beans, Droobles Best Blowing Gum, Chocolate Frogs, Pumpkin Pasties, Cauldron Cakes, ...*" (HPSC)

"... Apa yang dijualnya hanyalah Kacang Pelbagai Perisa Bertie Bott, gula-gula getah Droobles Best, katak Coklat, Karipap Labu ..." (HPBH)

Penterjemah lebih banyak meminjam secara terus daripada teks sumber untuk diserapkan ke dalam teks bahasa Melayu. Kata-kata seperti *Droobles Best* dan *Bertie Bott* menggunakan nama khas yang menghuraikan nama makanan manisan yang terdapat dalam dunia Barat. Begitu juga dengan kata *nougat*, *toffees*, *sherbet*, dan sebagainya.

"... *Creamy chunks of nougat, shimmering pink squares of coconut ice, fat, honey-coloured toffees; hundreds different kind of chocolate in neat rows; there was a large barrel of Every Flavour beans and another of Fizzing Whizzbees, the levitating sherbet balls that Ron had mentioned;...*" (HPPAZ:147)

“... Ketulan nougat berkrım, kiub ais kelapa merah jambu yang berkilauan, gula-gula tofi berwarna madu yang gemuk, dan beratus-ratus jenis coklat yang tersusun kemas. Terdapat juga sebuah tong besar Kacang Pelbagai rasa dan setong Lebah Siung Berbusa, bebola serbat terapung-apung yang pernah diceritakan oleh Ron” (HPPAZ: 187).

Sekiranya kita menterjemahkan perkataan *cakes* dan *biscuits* daripada budaya Inggeris, nampaknya agak mudah kerana kita akan terus meminjam konsep dan istilahnya. Walau bagaimanapun, dalam kajian silang budaya, terdapat ciri-ciri antara dua budaya yang memperlihatkan unsur sama tetapi tidak serupa. Ini dapat dilihat dalam karya terjemahan *KKSG* yang menggunakan beras sebagai makanan ruji, iaitu sama dengan masyarakat Melayu. Makanan yang menggunakan konsep budaya Inggeris, iaitu kek bagi istilah “*sweet rice cake*” diterjemahkan sebagai “lempeng pulut manis” bukan “kek pulut manis”. Contoh-contoh lain adalah seperti di bawah:

“... *when she stir her miso soup...*” (MOG:45)

“... dia mengacau sup miso ...” (KKSG:67)

“... *to fetch the rice crackers Auntie was so fond of...*” (MOG:52)

“...untuk membeli keropok beras kesukaan Mak Cik ...” (KKSG:78)

Ternyata bahawa dalam terjemahan tersebut, konsep dalam budaya Inggeris disesuaikan daripada budaya Jepun kemudian disesuaikan pula dengan budaya Melayu. Secara tidak langsung, komunikasi silang budaya memperlihatkan satu ciri yang unik, yakni dalam persamaan konsep sesuatu budaya, terdapat juga perbezaan ciri walaupun kecil telah memberikan istilah yang berbeza. Peminjaman kata juga berlaku apabila konsep yang didukung oleh kata tersebut tidak terdapat dalam budaya Melayu, misalnya kata *umeboshi ochazuke* (sejenis makanan ringan), dan *ekubo* (sejenis kuih daripada beras). Contoh lain, misalnya:

“... *a special kind of sake called amakuchi...*” (MOG:79)

“... sejenis sake istimewa yang dipanggil amakuchi” (KKSG:120)

Hal yang sama juga dapat dilihat bagi perkataan *sake* yang tidak digantikan dengan tuak kerana kaedah pembuatan kedua-dua jenis minuman ini berbeza antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Jepun. Mounin (1963) telah menggariskan kepentingan signifikasi sesuatu

item leksikal dengan menegaskan bahawa sekiranya tanggapan kata tersebut difahami dengan jelas barulah item tersebut dapat diterjemahkan secara tepat. Dalam kes menterjemahkan *sweets*, kita perlu melihat fungsi kata tersebut dalam teks asal berbanding dengan penggunaan terjemahan formal – manisan misalnya,

“...owned kimono stores or sweets shops...” (MOG:494)

“...seperti kedai kimono dan kedai manisan...” (KKSG:494)

Dalam strategi komunikasi silang budaya, terdapat sesuatu yang dikatakan sebagai strategi kognitif, iaitu mempelajari bahasa, yakni penguasaan bahasa tempatan sebagai kaedah untuk komunikasi yang lebih berkesan. Pemilihan kata tertentu dalam bahasa Melayu untuk dikaitkan dengan konsep yang ada dalam budaya yang diterjemah dapat membantu komunikasi silang budaya, misalnya:

“...Why does a ripe persimmon taste delicious? ...” (MOG:459)

“... Kenapa pisang kaki yang ranum berasa enak? ...” (KKSG:705)

Berdasarkan contoh-contoh makanan di atas, didapati bahawa jenis makanan yang diterjemahkan amat berbeza dengan sajian makanan dalam budaya Melayu. Penterjemah adakalanya menterjemah secara literal kerana sukar mengungkapkan sesuatu konsep yang tidak atau belum ada dalam budaya Melayu. Penterjemah menghadapi kesukaran dalam memilih kata yang paling sesuai bagi setiap padanan jenis makanan yang dinyatakan.

## Aspek Pakaian

Sorotan sumber sejarah memperlihatkan masyarakat Melayu mempunyai asas jati diri pakaian bangsa yang lengkap. Bagi orang Melayu, pakaian memainkan peranan sebagai barang yang amat berharga dan disanjung tinggi. Pakaian raja juga berbeza dengan rakyat jelata. Pakaian yang dibicarakan dalam sesebuah karya terjemahan perlu mengambil kira latar belakang dan latar masa teks asal. Pakaian juga berubah mengikut peredaran masa. Masyarakat Melayu mempunyai sejarah warisan pakaiannya yang tersendiri untuk memperlihatkan perbezaan status pemakainya dalam masyarakat. Melalui karya *KKSG*, penulisnya berjaya memperlihatkan pakaian kimono bagi lelaki dan wanita Jepun. Penghasilan pakaian ini memperlihatkan satu pemahaman kepada pembaca bahawa terdapat ciri-ciri pakaian yang berbeza antara dua masyarakat, Melayu

dan Jepun. Penghasilan unsur budaya ini tidak mungkin boleh digantikan dengan pakaian Melayu kerana pakaian masyarakat Jepun dalam novel ini melambangkan jati diri masyarakat tersebut dan inilah inti pati yang ingin disampaikan oleh penulisnya.

“... *but rather a man's kimono, with kimono trousers that made him.*”  
(MOG:15)

“... Dia memakai kimono lelaki dengan seluar kimono dan ...”  
(KKSG:21)

Status atau kedudukan pemakainya juga ditentukan oleh pakaian kimono yang disarungkan ke badan. Pakaian masyarakat Melayu kini merupakan baju kurung (moden atau tradisional), dan kebaya (moden dan tradisional) bagi golongan wanita, manakala baju Melayu bagi kaum lelaki. Setiap budaya mempamerkan pakaian yang berbeza dalam penceritaan. Hal ini juga sama dengan ketetapan yang diamalkan dalam masyarakat Melayu tentang cara pemakaian kain sarung yang menentukan kepala kain, sama ada di bahagian belakang (isteri orang) atau di bahagian tepi (janda). Pemakaian *obi* pada kimono juga menentukan kedudukan seseorang itu sebagai geisha, yakni *obi* bagi geisha dipakai pada bahagian belakang manakala *obi* bagi wanita yang setaraf dengan pelacur dipakai pada bahagian hadapan. Walaupun *obi* seperti bengkung dalam masyarakat Melayu namun pemilihan kata tersebut tidak sesuai bagi busana lengkap seorang geisha dalam masyarakat Jepun. Selain itu, busana lengkap seorang geisha juga meliputi stoking putih yang dinamakan *tabi*. Oleh itu, penterjemah perlu mengekalkan kata tersebut dan menyerapkannya sebagai kata pinjaman.

“*The broad obi tied around her middle ...*” (MOG:32)

“... *Obi* yang lebar diikat pada pinggangnya ...” (KKSG:47)

“... *she wore white socks we called tabi...* (MOG:73)

“... memakai stoking putih yang kami panggil *tabi* ...” (KKSG:112)

“... *there on the entryway, just slipping her feet into her lacquered zori, ...*” “... *and was the obi ...*” (MOG:41)

“... Di tangga pintu masuk, baru sahaja hendak menyarungkan kakinya ke dalam *zorinya* yang disampang...” “... begitu juga dengan *obinya* ...” (KKSG:62)

Kimono merupakan pakaian yang dipakai oleh orang lelaki dan juga perempuan tetapi mempunyai sedikit perbezaan dari segi cara pemakaian

dan warnanya. Kimono untuk lelaki agak ringkas, iaitu baju kimono dan seluar kimono seperti pahlawan samurai. Cara pemakaian kimono bagi wanita juga melambangkan statusnya. Alas kaki yang dipakai bersama pakaian kimono ini dinamakan *zori*. Bagi kaum wanita Melayu, baju kurung dipakai dengan kain sarung ikatan “ombak mengalun” manakala bagi lelaki, baju Melayu dipakai dengan seluar dan sampung. Pakaian ini sesuai untuk kegunaan di rumah ataupun majlis rasmi. Menurut Abas Alias dan Norwani Md. Nawawi (2003), pakaian baju kurung juga dipakai oleh orang lelaki yang mempunyai ciri-ciri yang berbeza dari segi labuh baju (lelaki bawah punggung, perempuan bawah lutut), alas leher (lelaki lebar, perempuan halus), dan poket (lelaki dua, perempuan tiada). Namun begitu, baju kurung juga mengalami perubahan dalam masyarakat Melayu. Pemakaian baju kurung sudah lama di alam Melayu sebagaimana juga pakaian kimono dalam masyarakat Jepun. Namun begitu, dari segi kesopanan dan kesantunan, kedua-dua kimono dan baju kurung memperlihatkan nilai yang cukup tinggi kerana pakaian tersebut tidak menjolok mata dan menarik pada pandangan mata.

Dalam karya siri Harry Potter pula, pakaian yang digunakan oleh ahli sihir berbeza dengan pakaian yang dipakai oleh pawang atau bomoh dalam masyarakat Melayu. Jubah merupakan pakaian yang biasa bagi masyarakat ahli sihir sedangkan jubah dalam masyarakat Melayu dipakai bagi menutup aurat bagi kaum wanita dan juga golongan ulama. Perkataan *cloak*, *overcoat*, *robes* dianggap sinonim apabila padanan dalam bahasa Melayunya tetap jubah.

“... *From an inside pocket of his black overcoat he pulled a slightly squashed box ...*” (HPBH:47)

“... Lelaki itu mengeluarkan sebuah kotak yang agak kemik dari kocek di dalam jubah hitamnya ...” (HPBH:50)

“... *people in cloaks ...*” (HPSS:3)

“...orang yang berjubah ...” (HPBH:3)

“... *Three sets of plain work robes (black)*” (HPSS:66)

“... Tiga helai jubah (hitam) tanpa corak ...” (HPBH:64)

Dalam cerita Harry Potter, pakaian yang signifikan ialah pakaian yang digunakan oleh ahli sihir, sama ada lelaki atau perempuan, sebagaimana juga kimono yang digunakan oleh masyarakat Jepun. Sebagaimana lengkapnya busana kimono, begitu jugalah pakaian ahli sihir yang mempunyai topi dan sarung tangan. Malah memakai jubah merupakan pakaian sehari-hari bagi



golongan ahli sihir. Masyarakat Melayu memakai kain sarung atau baju Melayu dan terdapat juga pakaian jubah yang khusus untuk permainan Quidditch.

“... *one pair of protective gloves (dragon hide or similar) ...*” (HPSS:64)

“... sepasang sarung tangan pelindung (daripada kulit naga atau yang seumpamanya)” (HPBH:64)

“... *one plain pointed hat (black) for the day ...*” (HPSS:64)

“... sebuah topi berhujung runcing...” (HPBH:64)

“... *the team were changing into their scarlet Quidditch robes...*” (HPSS:41)

“... pasukan Gryffindor yang lain memakai jubah Quidditch mereka ...” (HPBH:40)

Jelasnya, dari segi pakaian, masyarakat Timur yang diwakili oleh watak dalam KKSG memperlihatkan ciri yang unik dan tersendiri. Bagi seorang penterjemah, pengalaman menghasilkan karya tersebut merupakan satu pemelajaran dalam memahami komunikasi silang budaya antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Jepun. Unsur tradisional masih dikekalkan dan digambarkan dengan teliti dan rinci. Namun demikian, kemasukan kata pinjaman sebagai pinjaman kata budaya tidak dapat dielakkan apabila kata-kata tertentu tidak dapat menggambarkan konsep yang tidak terdapat dalam masyarakat Melayu seperti *obi*, *tabi*, dan *zori*. Penterjemahan siri cerita Harry Potter pula memberikan gambaran imaginasi yang cukup tinggi apabila membandingkan alam magis Melayu dengan alam magis yang diilhamkan oleh J.K. Rowling. Pakaian dalam alam magis Harry Potter memperlihatkan daya imaginasi berdasarkan latar belakang masyarakat Barat yang meliputi kepercayaan alam ghaib. Masyarakat Melayu mempunyai watak ghaib seperti hantu, jembalang, polong, mambang, dan sebagainya yang digambarkan dengan unsur negatif serta kelompok masyarakat yang tidak mempunyai fizikal yang jelas; manakala dalam cerita Harry Potter, watak-watak yang sedemikian seolah-olah mempunyai fizikal yang jelas, lengkap dengan pakaian dan masyarakatnya yang tersendiri.

## Aspek Peralatan

Teknologi masyarakat Melayu berlandaskan pertanian dan juga maritim. Masyarakat Melayu di desa lebih tertumpu pada kegiatan pertanian

manakala di tepian pantai tertumpu pada perikanan dan perdagangan. Dunia Melayu juga tidak lari daripada kepercayaan animisme dan alam misteri. Peralatan yang digunakan oleh *wizard* dan *witch* tidak sama dengan peralatan yang digunakan oleh bomoh atau pawang. Dalam karya terjemahan “HPBH”, dapat ditemukan pelbagai peralatan yang agak aneh seperti penyapu terbang (*broomstick*), tongkat sakti (*magic wand*), topi pengisih (*shorting hat*) dan sebagainya. Penterjemah perlu melihat bentuk leksikal dan memahami sempadan makna kemudian barulah memikirkan pilihan kata yang sesuai bagi menyampaikan mesej yang terkandung di dalam teks asal. Dalam teks terjemahan juga banyak pemilihan leksikal yang amat berbeza dengan kehidupan alam Melayu. Pemilihan kata ini masih boleh diperdebatkan kesesuaiannya berdasarkan latar alam yang dibicarakan itu amat berbeza dengan alam realiti. Kehidupan ahli sihir di Barat tidak memberikan gambaran yang sama dengan kehidupan alam magis di Timur. Penggunaan kata tongkat bagi *wand* tidak memperlihatkan fungsi sebenar perkataan tersebut dari segi penggunaannya. Pendekatan yang dikemukakan oleh Florin (1993) dapat membantu penterjemah mengklasifikasikan penggunaan alat ini. Realia yang berkait dengan mata wang seperti kata *galeon*, *knut*, *sickle*, dan *pence* merupakan kiraan yang berbeza dengan alam Melayu.

Dalam *KKSG* pula, alat yang digunakan merupakan alat muzik untuk digunakan oleh geisha dalam persembahan mereka, iaitu seruling, gendang, dan sebagainya. Dalam masyarakat Melayu, kita juga mempunyai peralatan muzik yang digunakan seperti gendang, rebana, seruling, dan sebagainya. Namun demikian, nama-nama khusus telah diberikan oleh masyarakat Jepun kepada peralatan ini dan tidak dapat disesuaikan dengan konsep rebana ubi dalam budaya Melayu. Istilah yang ditemui ialah *tutsumi* dan *taiko*.

“... a little drum we call *tutsumi*...” (*MOG*:164)

“... dram kecil yang kami panggil *tutsumi* ...” (*KKSG*:249)

“... the largest dram of all, called *taiko* ...” (*MOG*:164)

“... dram yang paling besar, *taiko*...” (*KKSG*:249)

Dalam kehidupan sehari-hari juga, ditemukan peralatan yang digunakan sebagai kegunaan harian, iaitu alas kaki seperti *okobo* yang merupakan terompah kayu yang tinggi dan juga lapik duduk dipanggil *tatami*.

“... the tall wooden shoes we call *okobo* ...” (*MOG*:180)

“... yang memakai terompah tinggi yang kami panggil okobo ...”  
(KKSG:180)

“... *she could have claimed I'd eaten the tatami mats in her room*”  
(MOG:375)

“... Dia boleh mengatakan yang aku memakan tikar tatami di biliknya ...” (KKSG:574)

Peralatan ini tidak dapat dinamakan sebagaimana yang terdapat dalam budaya Melayu seperti tikar mengkuang atau kelarai kerana konsepnya juga berbeza dengan konsep yang digunakan dalam masyarakat Melayu. Hal yang sama dilihat dalam peralatan untuk hidangan atau sajian. Istilah yang digunakan dipinjam terus daripada bahasa Jepun kerana pembuatan dan asal usulnya tidak sama dengan peralatan dalam budaya Melayu. Satu ciri pembeza sudah memadai untuk mengklasifikasikan sesuatu itu sebagai konsep baharu dan perlu dinamakan dengan lambang yang berbeza, yakni kata yang melambangkan objek tersebut misalnya,

“... *served in beautiful celadon cup ...*” (MOG:4330)

“... dihidangkan di dalam cawan celadon yang cantik ...”  
(KKSG:666)

Kesimpulannya, peralatan yang digunakan dalam masyarakat Jepun mempunyai nilai dan fungsinya yang tersendiri sebagaimana juga masyarakat Melayu. Persamaan yang universal dari segi fungsi tidak memberikan ruang kepada penterjemah untuk memadankan konsep tersebut satu-lawan-satu kerana dalam pembentukan istilah, setiap konsep yang mendukung sesuatu objek itu mempunyai ciri-ciri tersendiri dan perbezaan dalam ciri meletakkan konsep tersebut pada kedudukan yang berbeza dalam sistem konsep. Hal ini menyebabkan peminjaman perlu dilakukan dalam penterjemahan peralatan budaya sebagaimana yang terdapat dalam cerita Harry Potter dan KKSG. Penterjemah perlu menyedari bahawa dalam penterjemahan, konteks tertentu yang mencirikan unsur budaya tidak boleh diterjemahkan secara semborono. Kesedaran ini akan membantu penterjemah memahami komunikasi silang budaya yang terdapat teks seperti itu yang perlu disampaikan kepada pembaca dengan cara yang bersahaja tetapi jelas.

## Aspek Permainan

Quidditch ialah permainan fiksional yang diilhamkan oleh J.K. Rowling dalam novelnya. Permainan ini dilihat sebagai permainan yang agak

lasak yang dimainkan oleh kumpulan ahli sihir seluruh dunia. Perlawanan diadakan antara dua kumpulan yang terdiri daripada tujuh ahli dengan menggunakan penyapu terbang, empat bola, dan enam gelung sebagai gol. Permainan ini digambarkan dalam semua terbitan cerita Harry Potter. Dalam dunia “Potter”, permainan Quidditch ini samalah juga dengan permainan bola sepak dalam dunia nyata. Oleh itu, dalam penterjemahan, pemilihan kata bagi padanan permainan tersebut dibuat dalam bentuk kata pinjaman. Konsep permainan ini sebenarnya tidak wujud di Barat ataupun di Timur kerana permainan ini diilhamkan berdasarkan khayalan dan imaginasi penulis sendiri. Banyak istilah baharu yang perlu dicipta bagi menggambarkan konsep keseluruhan permainan ini, misalnya *Blagging*, *Blatching*, *Blurting*, *Bumpling*, *Cobbing*, *Flacking*, *Haversacking*, *Quaffle-pocking*, *Snitchnip*, dan *Stooging*. Bagi nama-nama pemain pula diklasifikasikan kepada tiga *Chasers*, dua *Beaters*, satu *Keepers*, dan satu *Seekers*. Permainan ini merupakan konsep baharu yang boleh dikaitkan dengan permainan ragbi atau bola keranjang yang menggunakan penyapu terbang.

Dalam KKSG pula, permainan yang digambarkan lebih merupakan permainan rakyat, iaitu catur Jepun dan permainan *go*.

“... watch the other fishermen play Japanese chess...” (MOG:18)

“... melihat nelayan lain bermain catur Jepun ...” (KKSG:26)

“... she and Satsu began playing a game of go...” (MOG:31)

“... dia dan Satsu mula bermain permainan go ...” (KKSG:46)

Permainan yang bersifat sukan dalam masyarakat Jepun ialah Sumo. Sumo ialah sukan kontak kompetitif apabila dua orang pemainnya, iaitu *rikishi* saling berhadapan dalam sebuah gelanggang yang bulat. Sukan ini begitu popular di Jepun dan banyak melibatkan upacara dan ritual tertentu. Sumo merupakan sukan lama yang mempunyai sejarahnya tersendiri. Oleh sebab keunikan konsep ini sebagai satu unsur budaya masyarakat Jepun, maka unsur ini perlu diterjemahkan dengan konsepnya yang tersendiri. Sumo tidak boleh disamakan dengan permainan rakyat masyarakat Melayu walaupun kemungkinan sumo dapat digolongkan ke dalam klasifikasi yang sama. Upacara ritual yang dilaksanakan dalam acara sumo sama seperti budaya lain yang mempunyai peraturan tertentu sebelum memulakan atau mengakhiri sesuatu acara, misalnya wayang kulit atau main puteri dalam masyarakat Melayu. Istilah dalam permainan sumo ini diterjemahkan secara keseluruhan kerana konsep tersebut tidak terdapat dalam budaya

Melayu, misalnya *yokozuna*. Perbezaan budaya yang ditekankan melahirkan unsur peniruan dan peminjaman kata dalam pembentukan istilah. Konteks peminjaman budaya melalui kata kerap dilakukan apabila darjah perbezaan agak tinggi. Manusia dalam kehidupannya menjalani sosialisasi dan bukan solitari. Manusia juga sentiasa berinteraksi dengan persekitarannya. Penterjemahan seharusnya dikontekstualkan sebagai satu sistem sosial yang membentuk rangkaian yang melibatkan kelompok yang berbeza-beza dari segi keadaan ekonomi, institusi budaya dan politik, ideologi, dan sebagainya. Teks asal yang diterjemahkan untuk pembaca bukan tanpa penyesuaian kerana penterjemah perlu juga setia kepada budaya dan persekitarannya sendiri selain setia kepada teks asal. Komunikasi dalam penterjemahan secara serentak dinyahkontekstualkan, dan pada masa yang sama dikontekstualkan semula. Oleh itu, hasilnya lebih produktif berbanding dengan reproduktif. Penterjemahan merupakan mod komunikasi dalam hubungan manusia, sama ada dapat mengurangkan salah faham atau meningkatkan salah faham. Apa yang jelas ialah komunikasi silang budaya berlaku dalam penterjemahan dan penterjemah yang baik seharusnya bijak memanipulasi keadaan ini bagi menyampaikan mesej yang ingin dilahirkan oleh penulis teks asal.

## KESIMPULAN

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan persoalan yang dialami oleh seorang penterjemah, khususnya dari segi penyesuaian budaya dalam komunikasi silang budaya. Penulis merumuskan bahawa persoalan ini berpokok daripada kurang pengetahuan yang luas (bagi pihak penterjemah) mengenai sesuatu budaya bahasa sumber dan juga bahasa penerima. Penterjemah perlu mengetahui kehidupan dan budaya masyarakat yang terlibat dalam teks penterjemahannya untuk menghindarkan kesilapan atau salah faham. Pemahaman tentang perbezaan budaya membawa kepada kebolehan untuk mentafsir dan berkomunikasi dalam situasi silang budaya walaupun pembaca mempunyai kepercayaan atau nilai budaya yang sama. Yang penting ialah pembaca perlu lebih bermaklumat dan berpengalaman tentang perbezaan budaya yang wujud berdasarkan perkataan dalam budaya asing dan sebaliknya. Kita seolah-olah membina teori jangka pendek untuk mentafsir perbezaan dan terus-menerus menyesuaikan teori tersebut sepanjang pembelajaran yang kita lalui. Dalam proses ini juga, pembaca mentafsir perubahan, menyesuaikan diri, berkomunikasi, dan belajar daripada pertembungan dengan unsur silang

budaya. Pengalaman ini mengayakan kita kerana kita mengembangkan dan meningkatkan kecekapan penterjemahan serta pentafsiran dalam hubungan interpersonal. Secara beransur-ansur, pembaca mengubah sistem tafsiran untuk disesuaikan dengan perbezaan budaya melalui teks, dan pembaca boleh berkomunikasi dalam silang budaya merentangi sebarang perbezaan yang ada. Kita tidak dapat memahami komunikasi tanpa melihat budaya, dan kita juga tidak memahami budaya tanpa mempertimbangkan aspek komunikasi. Oleh itu, penterjemahan merupakan kegiatan manusia yang dapat membantu mempertingkatkan kefahaman dan kemahiran komunikasi silang budaya dalam kehidupan masyarakat kita.

## RUJUKAN

- Abbas Alias dan Norwani Md. Nawawi, 2003. *Pakaian Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan dan Ainon Muhamad, 2000. *Teknik dan Teori Terjemahan*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Arthur Golden, 1997. *Kenang-Kenangan Seorang Geisha*. Diterjemahkan oleh Abdul Latif Budin. Malaysia: Marshall Cavendish Sdn. Bhd. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).
- Collier, M.J., 2000. "Understanding Cultural Identities in Intercultural Communication: A Ten Step Inventory" dlm. Samovar and R.E. Potter (ed.), *Intercultural Communication: A Reader*. Belmont, C.A.: Wadsworth.
- Dodd, C.H., 1998. *Dynamics of Intercultural Communication*. Boston: Mc Graw Hill.
- Florin, S., 1993. "Relia in Translation" dlm. Zlateva, Palma, *Translation as Social Action Russian and Bulgarian Perspectives*. London: Routledge.
- Gentzler, Edwin, 1993. *Contemporary Translation Theories*. London and New York: Routledge.
- Geti, 1994. *Introduction to Geography*. Oxford: WM. C.
- Hervey, S.; Higgins, I., 1992. *Thinking Translation*. London: Routledge.
- Kamus Dewan*, 1986. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kim, Y.Y., 1984. "Searching for Creative Integration" dlm. W.B. Gudykunst and Y.Y. Kim (ed.), *Method for Intercultural Communication Research*. Beverly Hills: Sage.
- Lefevere A., 1992. *Translating, Rewriting and the Manipulation of Literary Fame*. London: Routledge.
- Newmark, P., 1981. *Approaches to Translation*. Oxford: Pergamon.
- Newmark, P., 1988. *A Textbook of Translation*. New York: Prentice Hall
- Nida, E.A. and C.R. Taber, 1974. *The Theory and Practice of Translation*. Leiden: E.J. Brill, Leiden.

- Nida, E.A., 1963. *Customs, Culture and Christianity*. London: Lowe and Brydone.
- Nida, E.A., 1964. *Towards A Science of Translation*. Leiden: E. J. Brill.
- Ramli Saleh, 1987. "Sebab-sebab Kesalahan Bahasa di dalam Penterjemahan" dlm. *Kesalahan Bahasa Dalam Bahasa Malaysia*. Abdullah Hasan, Mashudi Kader dan Hasnah Ibrahim. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rokiah Awang, 2005. "Pankek, Lempeng atau Kuih Bahulu? Aspek Peniruan dan Penyesuaian dalam Penterjemahan Relia". Kertas kerja Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-10, di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia, 2–4 Ogos 2005.
- Rowling, J.K., 1997. *Harry Potter dengan Batu Hikmat*. Diterjemah oleh Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).
- Rowling, J.K., 1998. *Harry Potter dan Bilik Rahsia*. Diterjemah oleh Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).
- Rowling, J.K., 1999. *Harry Potter dengan Banduan Azkaban*. Diterjemah oleh Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd. (Teks asal dalam bahasa Inggeris).
- Samovar, L.A. dan Potter R.E., 2000. *Intercultural Communication: A Reader*. Belmont, C.A. Wadsworth.
- Sapir, E., 1956. *Culture, Language and Personality*. Los Angeles: University of California Press.
- Steiner, Peter, 1984. *Russian Formalism*. Ithaca and London: Cornell University Press.
- Tylor, E.B., 1871. *Primitive Culture: Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Art, And Custom*. New York: Gordon Press.
- Toury, G., 1978, revised 1995. "The Nature and Role of Norms in Translation" dlm. Venuti, L. *The Translation Studies Reader*. London: Routledge.
- Wilss, W., 1982. *The Science of Translation. Problems and Methods*. Gunter Narr Verlag, Tübingen .
- Zilahy S. Pietro, 1963. "Quality in Translation" dlm. *Quality in Translation*. E.Cary dan R.W. Jumplet, (ed.). New York: Pergamon Press Inc.